

diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

PEN. 2/76/123(TABALAN)

EMBARGO: TIDAK BOLEH DISIARKAN SEBELUM PUKUL
12.00 TENGAHARI PADA 28HB. FEB. 1976.

UCAPAN Y.A.B. DATUK HUSSEIN ONN, PERDANA MENTERI
MALAYSIA BAGI PIHAK KERAJAAN DAN RAKYAT MALAYSIA
DI DALAM ISTIADAT PERTABALAN D.Y.M.M. SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG YANG KEENAM PADA
HARI SABTU, 28HB FEBRUARI, 1976

Dengan Nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.

Mengadap Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda
Al-Sultan Tuanku Yahya Petra ibni Al-Marhum Sultan Ibrahim, Yang
di-Pertuan Agong Malaysia, dengan kemuliaan dan kebesarannya.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,

Pada saat dan ketika yang bersejarah serta gilang-gemilang
ini, bersempena dengan hari Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri
Paduka Baginda Tuanku, patek, bagi pihak Ahli-Ahli Jumaah Menteri,
Pegawai-pegawai Kerajaan dan seluruh rakyat Malaysia, dari semua
kaum dan keturunan, dengan perasaan yang penuh gembira serta
dengan hati yang khushyuk dan tawaduk, mengangkat sembah takzim
dan merafakkan ucapan setinggi-tinggi tahmiah Ke Bawah Duli Yang
Maha Mulia Tuanku, kerana telah dipilih dan dilantik oleh Duli-Duli
Yang Maha Mulia Raja-Raja untuk menaiki Takhta Kerajaan, sebagai
Raja Pemerintah bagi seluruh Negara Malaysia, dan sebagai Yang di-
Pertuan Agong yang Keenam.

Patek pohon mengambil kesempatan ini juga untuk merafakkan
ucapan sembah setinggi-tinggi tahmiah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia
Tuanku Zainab binti Tengku Mohamed Petra, di atas lantikan Seri
Paduka Tuanku menjadi Raja Permaisuri Agong.

Negara baru sahaja mengalami suasana duka nestapa yang amat
sangat, berikutan dengan kembalinya ke Rahmatullahi Taala, Perdana
Menteri yang amat dikasihi dan dihormati, Allahyarham Tun Haji
Abdul Razak bin Hussein. Sekalipun demikian, seluruh rakyat
jelata dari segenap pelusuk negara, melahirkan rasa gembira, kerana
Tuhan Yang Maha Kuasa memberkati doa kerana mendapat rahmat seorang
Raja Pemerintah, yang sangat mengambil berat di atas hal-hal negara
dan kebajikan rakyat.

Dengan pengalaman Tuanku dalam urusan pentadbiran dan
Kerajaan, patek sekalian yakin dan percaya bahawa Tuanku akan
dapat memberikan pimpinan dan panduan kepada negara, dengan penuh
adil dan bijaksana.

Adapun dimaklum, Perlembagaan Malaysia telah disusun dan
digubal agar mencerminkan kemajuan negara serta perkembangan politik,
ekonomi dan sosial, yang menentukan corak pemerintahan Beraja,
menurut tradisi yang turun-nurun dan berasaskan kepada lunas
demokrasi, secara yang sesuai dengan hasrat dan kemajuan rakyat.
Sambil menjunjung tinggi adat resam Beraja itu, patek sekalian
sentiasa mengikuti peredaran zaman, dengan mengamalkan sistem
demokrasi berparlimen yang boleh membawa negara ini menuju matlamat
zaman makmur, aman bahagia dan masyarakat yang bersatu-padu.
Perlantikan Ke Bawah Duli Tuanku, sebagai Yang di-Pertuan Agong
yang Ke Enam, dengan sendirinya membuktikan kejayaan sistem demokrasi,
yang belum pernah dibuat seumpamanya, oleh mana negara dalam
dunia moden ini.

(tambahan)

Perlantikan Ke Bawah Duli Tuanku menaiki Takhta Kerajaan adalah bersempena dengan permulaan Rancangan Malaysia Ketiga, dimana pembangunan negara akan terus dipergiat dalam semua bidang. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, yang menjadi landasan Rancangan Malaysia Kedua, telah mula melahirkan hasil yang baik. Tetapi masih banyak lagi usaha yang mesti diteruskan. Selain daripada kemajuan di lapangan ekonomi, negara telah mengalami kemajuan dalam bidang-bidang lain, yang pasti menjadi asas kejayaan negara, di masa akan datang. Patek yakin dan percaya, dengan izin Allah Subhanahu Wataala, dan dengan daulat Ke Bawah Duli Tuanku, maka hasrat dan cita-cita Kerajaan Tuanku untuk memenuhi kehendak rakyat jelata, akan beroleh kejayaan yang lebih besar lagi.

Dasar Kerajaan Ke Bawah Duli Tuanku, dalam menghadapi soal Antarabangsa, adalah untuk menjaga dan menelihara perhubungan baik dengan semua negara dunia, berpandukan Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu. Kerajaan Ke Bawah Duli Tuanku juga akan terus menelihara hubungan baik dengan negara-negara jiran, di samping memperjuang dan menyuarakan kepentingan serantau dalam lapangan ekonomi dan politik, dan khususnya, melaksanakan konsep menjadikan rantau Asia Tenggara kawasan aman, bebas dan berkecuali. Tujuan dasar ini adalah semata-mata untuk menjamin keselamatan dan keutuhan negara Malaysia, bagi menghadapi cabaran di tahun-tahun akan datang.

Adapun dinaklun, dasar ini telah dipelopori oleh Allahyarham Tun Abdul Razak, yang semasa hayatnya tidak putus-putus, menumpukan seluruh usaha dan tenaganya, bagi kebaikan rakyat dan negara, melalui proses pembangunan dalam negeri, secara aman dan juga mengekalkan suasana damai di rantau Asia Tenggara ini. Patek berikrar Ke Bawah Duli Tuanku, akan meneruskan dan menyambung segala usaha yang dijalankan oleh Allahyarham itu, supaya hasrat dan cita-cita hidupnya, akan menjadi kenyataan serta dapat diwariskan pula, kepada jenerasi muda sekarang dan masa hadapan.

Patek sekalian sesungguhnya menaruh sepenuh-penuh keyakinan, bahawa pemerintahan Seri Paduka Tuanku akan membawa negara ini kepada satu zaman gemilang dan menambahkan lagi kenakmuran, kesejahteraan dan kemajuan negara supaya rakyat jelata sekalian akan dapat menikmati taraf hidup yang lebih baik dan sempurna.

Rakyat jelata negara ini juga amat bertuah mendapat Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong yang mempunyai sifat-sifat kepimpinan yang terpuji. Kecenderungan Seri Paduka Baginda dalam kerja-kerja kebajikan pasti memberi galakan dan dorongan untuk menambahkan kemajuan dalam bidang kebajikan itu.


Maka bagi mengambill sempena hari dan saat yang berbahagia ini, patek, bagi pihak Ahli-ahli Jemaah Menteri, Pegawai-pegawai Kerajaan dan sekalian rakyat, merafakkan sembah taat setia Ke Bawah Duli Seri Paduka Tuanku.

Akhirul-kalan, patek berdoa ke hadzrat Allah Subhanahu Wataala, yang Maha Pengasih, lagi Yang Maha Pemurah, mudah-mudahan dilanjutkan usia zaman Ke Bawah Duli Tuanku serta Tuanku Raja Permaisuri Agong, dan semoga bertambah-tambah daulat kebesaran dan kemuliaan. Patek juga berdoa mudah-mudahan, barang dianugerahkan Allah Ke Bawah Duli Tuanku, serta Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong, dengan taufik dan hidayah, kekal qarar, dan sentiasa di dalam sihat walafiat, aman sentosa, dengan sepenuh-penuh kesejahteraan dan kemuliaan, selama-lamanya.

KUALA LUMPUR.
27hb. Februari, 1976.

(dikeluarkan pada pukul 6.30 petang)

No Siri 166
No Penerimaan 3/76



JUN 1976